

08 DEC 1998

Dewan-Kutuk

DEWAN SELANGOR LULUS USUL KUTUK KENYATAAN AL-GORE DAN SOROS

SHAH ALAM, 8 Dis (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Selangor hari ini meluluskan usul membantah serta mengutuk kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore dan spekulator matawang, George Soros yang dianggap sebagai campur tangan luar ke dalam hal ehwal pentadbiran negara.

Usul yang dikemukakan oleh Datuk Saidin Thamby (BN-Paya Jaras) itu menyebut bahawa kenyataan mereka berdua berhubung Malaysia baru-baru ini adalah biadab, kurang ajar dan menyinggung perasaan seluruh penduduk negara.

"Bukan itu sahaja, malah kenyataan Gore juga menyinggung perasaan pemimpin-pemimpin persidangan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang datang ke sini baru-baru ini," katanya.

Al Gore telah menyatakan sokongannya terhadap penyokong gerakan reformasi yang menganjur tunjuk perasaan anti-kerajaan.

George Soros pula ketika berucap di Universiti Johns Hopkins pada 4 Dis lepas menyeru supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan dan bekas timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan.

Usul itu kemudiannya dibahaskan oleh beberapa anggota dan mendapat sokongan termasuk Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar serta anggota pembangkang Chua Kow Eng (DAP-Bandar Klang).

DUN Selangor dianggotai oleh 48 anggota BN termasuk Speaker dan tiga anggota pembangkang dari DAP.

Usul itu diluluskan selepas mendapat sokongan sebulat suara.

-- BERNAMA

AZH NMO